

24 SEP 1998

Mahathir-ISA

POLIS PUNYAI ALASAN WAJAR BAGI TANGKAPAN ISA, KATA PM

KUALA LUMPUR, 24 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini beliau percaya polis mempunyai alasan yang wajar untuk menahan beberapa orang baru-baru ini mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Beliau berkata penahanan seumpama itu selalalunya dilakukan bagi tujuan soal-siasat berkaitan aktiviti yang boleh memudaratkan keselamatan negara.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan di Jabatan Perdana Menteri di sini, beliau berkata polis bertindak mengikut penilaian mereka sendiri.

Pada Ahad lepas, polis menahan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana dipercayai menghasut penyokongnya menimbulkan kekacauan selepas mengetuai perhimpunan di Masjid Negara di sini.

Beberapa orang lagi yang dikaitkan dengan apa yang dikatakan gerakan "reformasi" Anwar, termasuk Ketua Pergerakan Pemuda Umno Datuk Ahmad Zahid Hamidi dan empat pemimpin tertinggi Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) juga ditahan mengikut ISA dalam masa tiga hari lepas.

Dr Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri berkata perhimpunan haram yang dianjurkan oleh para penyokong Anwar mesti disekat bagi mengelakkan kemungkinan berlakunya rusuhan kaum.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada rapat umum akan membawa kepada rusuhan kaum.

"Kita kena hentikan kalau kita bertanggungjawab, kalau kita benarkan ia mungkin meningkat hingga menjadi pecah rumah, rogol dan sebagainya," katanya.

Beliau berkata rapat umum sememangnya diharamkan di negara ini sudah sekian lama, bukan hanya sekarang.

Apabila Anwar melakukannya, beliau telah melanggar undang-undang, katanya.

Polis mengambil sikap agak berlembut apabila mereka membiarkan Anwar mengadakan perhimpunan itu tetapi media asing mahu polis menggunakan kekerasan, katanya.

Perdana Menteri berkata penyokong-penyokong Anwar tahu bahawa jika mereka menentang secara keras, maka kerajaan terpaksa menggunakan kekerasan ke atas mereka untuk menyekat mereka.

Dan tindakan kerajaan itu akan disiarkan oleh media asing, katanya.

Beliau berkata para penyokong Anwar telah menyalahgunakan masjid dan agama serta cuba menghasut rakyat supaya memberontak kerana ingin mendapatkan situasi seperti di Jakarta.

"Dengan itu, pada pendapat mereka kerajaan akan jatuh supaya perbicaraan tidak boleh diadakan," katanya.

-- BERNAMA

RAZ ES NMO